

# Jaga maruah negara selagi saya masih hidup: Dr M

> PM beri jaminan Malaysia tidak akan terjerumus dalam situasi buruk

**Oleh Mohd Iskandar Ibrahim**  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**T**un Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan tidak akan menyebabkan negara terjerumus ke dalam situasi buruk, hilang maruah dan tujuan selagi beliau masih hidup.

Perdana Menteri berkata, beliau sedar mengenai cabaran yang mendatang dan akan sedaya upaya mengatasinya sebaik mungkin.

“Malaysia sebagai sebuah negara, sudah melalui pelbagai rintangan sejak kemerdekaan. Saya berada di situ ketika negara mencapai kedaulatan dan menyaksikan perjuangannya selama ini.

“Sebab itu selagi saya masih hidup, saya tidak akan membenarkan

negara ini jatuh, hilang maruah, kedaulatan dan arah tujuannya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Malam Anugerah dan Majlis Makan Malam Gala Persatuan Pertubuhan Pengurusan Asia (AAMO) ke-20 di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan bekas Ketua Polis Negara selaku Presiden Institut Pengurusan Malaysia (MIM), Tun Mohamed Hanif Omar.

Pada majlis itu, Dr Mahathir diumumkan sebagai penerima Anugerah Pembina Negara dan Pemimpin Berwawasan AAMO atas sumbangan beliau kepada negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, Perdana Men-



**Dr Mahathir menerima Anugerah Pemimpin AAMO dan Anugerah Pembina Nation dari Presiden AAMO, Datuk Ng Tieh Chuan (dua dari kiri) pada Majlis Makan Malam Gala Persatuan Pertubuhan Pengurusan Asia (AAMO) ke-20 di Kuala Lumpur, malam tadi. Yang turut hadir Hanif (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pengurusan Malaysia, Sivanganam Rajaretnan.**

teri turut berkongsi pengalaman beliau memimpin negara dengan mempraktikkan kepakaran dalam bidang kedoktoran yang dimilikinya.

“Saya seorang doktor perubatan. Sebagai seorang doktor, saya akan memeriksa pesakit dan melakukan diagnosis terhadap pesakit.

#### **Berfikir di luar kotak**

“Jika ia tidak berjaya, kita perlu berfikir di luar kotak dan memikirkan cara lain termasuk melakukan pembedahan atau memotong bahagian (anggota badan).

“Begitu juga sebagai pemimpin negara, kita perlu menjalankan diagnosis dan mengkaji sesuatu perkara sebelum membuat sesuatu

keputusan. Itu yang saya praktikkan selama ini,” katanya.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir menyifatkan Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin sebagai 'pekak' kerana mendakwa kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak mempertahankan Islam.

Katanya, jika Mohd Asri boleh mendengar, sudah tentu beliau tahu pelbagai usaha dilakukan kerajaan PH dalam menjaga Islam di negara ini.

“Sebab dia pekak, kalau dia boleh mendengar, kita buat bermacam untuk orang Islam, agama Islam (di negara ini)... tetapi dia tidak mendengar,” katanya.

Mohd Asri dalam perkongsian di media sosial menerusi Facebook miliknya, mendakwa suara mempertahankan Islam sukar kedengaran dalam kalangan pemimpin pentadbiran hari ini.

Beliau mendakwa pelbagai kenyataan dibuat oleh individu dalam kerajaan yang dianggap menghinakan orang Islam.

Kenyataan Mohd Asri itu dipercayai susulan seorang pendakwah bebas yang mempunyai kaitan dengan tokoh pendakwah terkenal dari India, Zakir Naik, direman empat hari mulai kelmarin untuk membantu siasatan berkaitan klip video yang dianggap ada unsur penghinaan terhadap agama Hindu.